

07/07/1999

Shahnon patut tegur Pas bukan Umno

Md Derani

PENULIS Shit, Prof Datuk Shahnon Ahmad dilaporkan meminta maaf secara terbuka kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai isi kandungan buku yang ditulisnya itu.

Permintaan maaf Shahnon itu dibuatnya ketika berucap dalam ceramah anjuran Pas di Alor Star. Kemudian Shahnon menafikannya dengan menyalahkan wartawan yang membuat liputan majlis berkenaan.

Tetapi hadirin yang mendengar ceramahnya pada malam Jumaat itu tentu tidak dapat dikelirukan oleh Shahnon. Hal ini disahkan oleh beberapa hadirin.

Beginikah Shahnon, ahli Pas seumur hidup itu? Nampaknya fikiran Shahnon kurang stabil. Mungkin setelah memohon maaf secara terbuka, ada kawan-kawannya memberitahu dia bahawa hal ini bererti dia telah mengakui kesalahannya kepada Dr Mahathir dan akan merugikan Pas.

Tetapi satu yang tidak dinafikan oleh Shahnon bahawa dia telah menemui Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Anwar memintanya menulis sesuatu. Lalu Shahnon pun tekun menulis dan hasilnya buku Shit itu. Shit yang sama sekali tidak dapat dianggap sebuah karya sastera.

Shahnon juga mendakwa, dia menulis Shit kerana wujudnya sindrom bisu dalam Umno dan mahu mengkritik corak kepemimpinan Dr Mahathir.

Lucunya Shahnon ini! Seorang ahli Pas seumur hidup punya keinginan menegur Umno dan Presiden Umno. Apa sudah jadi? Bukankah molek kalau Shahnon melihat ke dalam diri Pas sendiri.

Kritiklah akhbar Harakah yang jelas sekali tidak punya kredibiliti dan profesionalisme dibandingkan dengan akhbar nasional yang lain.

Tegurilah Pas, yang anda menjadi ahlinya, kerana pemimpinnya yang hampir dalam setiap ceramah sentiasa memaki, memfitnah dan memburuk-burukkan pemimpin Umno, saudara sesama Islam.

Bidaslah pemimpin Pas yang menyalahgunakan ayat-ayat al-Quran dan hadis, yang sampai tergamak melihat masyarakat Islam Malaysia jadi berpecah-belah.

Hentamlah Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat yang dipuja sebagai tok guru itu yang lancang mulutnya, yang berkata 'Tuhan pun mencarut'.

Shahnon, tak usahlah sibuk-sibuk mahu menegur dan mengkritik Umno dan menulis Shit setelah anda menemui Anwar. Janganlah jadi penulis suruhan seolah-olah anda tidak ada pendirian sendiri pula.